

Penggunaan Frog VLE dalam Pengajaran Penulisan Karangan Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Menengah

Azhar Md Sabil, Shamsudin Othman, Abdul Rasid Jamian, Rozita Radhiah Said

Kata Kunci:

Kata Kunci: Persekutuan Pengajaran Maya, Frog VLE, Penulisan Karangan, Pengajaran Kemahiran Menulis



Download
Full PDF

Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan pengajaran penulisan karangan yang menggunakan *Frog Virtual Learning Environment* (Frog VLE) terhadap prestasi penulisan karangan dalam kalangan guru dan murid sekolah menengah. Kajian ini terdiri daripada dua fasa, iaitu fasa pertama yang dilakukan terhadap pelaksanaan Frog VLE di sekolah menengah luar bandar, manakala fasa kedua melibatkan pelaksanaannya di sekolah bandar. Keseluruhan kajian ini nanti adalah untuk melihat keberkesanannya dalam meningkatkan tahap pendidikan dan kemahiran murid serta menjadikan platform pembelajaran bertaraf dunia dengan akses kepada sumber dan teknologi sejarah dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025. Dalam fasa pertama ini dua orang guru dan empat orang murid daripada dua buah sekolah yang dipilih sebagai sampel kajian ini, iaitu yang terdiri daripada dua buah sekolah luar bandar dan dua buah sekolah di bandar. Sampel kajian dipilih adalah memenuhi ciri persampelan bertujuan, iaitu guru opsyen bahasa Melayu dan murid Tingkatan Empat yang telah melalui pembelajaran dalam talian di bawah program Frog VLE. Dengan Frog VLE, pendidikan tidak lagi terbatas dalam bilik darjah tradisional, iaitu yang berpusatkan guru (Roselan Baki, 2003). Pembelajaran boleh dilakukan di mana-mana jua dan pada bila-bila masa. Sistem Frog VLE yang mudah digunakan ini membolehkan pelajar dan guru untuk menemui hampir segala-galanya di Internet (video, gambar, bahan pendidikan) dan membinanya menjadi sebuah laman yang menarik, tanpa memerlukan sebarang kepakaran teknikal. Kajian kualitatif ini dijalankan secara temu bual berstruktur dengan menggunakan protokol temu bual sebagai instrumen kajian. Dapatkan awal daripada fasa pertama kajian ini menunjukkan bahawa guru kurang mengaplikasikan Frog VLE, walaupun mereka amat yakin bahawa penggunaan Frog VLE ini dapat membantu pengajaran dan pembelajaran serta memotivasi murid untuk menjalai pembelajaran dengan lebih baik dan menyeronokkan.. Namun, tidak semua guru selesa menjalankannya kerana terdapat masalah dan kekangan yang dihadapi guru semasa mengaplikasikannya. Bagi murid pula, mereka begitu bermotivasi dalam menghasilkan karangan dengan menggunakan Frog VLE ini, walaupun terdapat halangan yang berkaitan dengan capaian Internet.

Keywords:

Keywords: Virtual Teaching Environment, Frog VLE, Essay Writing, Teaching Writing Skills

Abstract:

With Frog VLE, education is no longer limited to traditional, teacher-centered classrooms (Roselan Baki, 2003). Learning can be done anywhere, anytime. This easy-to-use Frog VLE system allows students and teachers to find almost everything on the Internet (videos, photos, educational materials) and build it into an engaging site, without the need for any technical expertise. This study aims to investigate the effectiveness of using Frog Virtual Learning Environment (Frog VLE) system on essay writing performance of high school students in Malaysia. This qualitative study was conducted in a structured interview using the interview protocol as a research instrument. This study consists of two phases, namely the first phase conducted is the implementation of Frog VLE in rural secondary schools, while the second phase involves its implementation in urban schools. The study on the implementation of Frog VLE is to see its effectiveness in improving the level of writing performance and skills of students as well as making a world-class learning platform with access to resources and technology in line with the Malaysian Education Development Plan (PPPM) 2013 to 2025. In the first phase, two teachers and four students from two rural schools and two urban schools were selected as samples of this study. The sample selected were Malay language option teachers and Form Four students who have gone through online learning for the Frog VLE program. Findings show that teachers do not apply Frog VLE system in their teaching, although they are very confident that the use of Frog VLE can help teaching and learning and motivate students to learn better and more fun. The teachers admitted that they are comfortable in using the Frog VLE system because there are problems and constraints that the teacher encountered while applying it. As for the students, they are very motivated in producing essays using this Frog VLE, although there are barriers associated with Internet access.